



KE PENJARA: Nen (kiri) diiringi polis setelah dijatuhkan hukuman di Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

Lelaki cederakan isteri gara-gara tidak sahut panggilan kena 12 bulan

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam akibat menampar muka dan menerajang isterinya gara-gara mangsa tidak menyahut panggilannya ketika berada di dapur mencuci pinggan mangkuk.

Nen Sani, 56, mengaku bersalah di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali sebaik didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama.

Mengikut pertuduhan, Nen didakwa mencederakan isterinya yang berusia 56 tahun di sebuah rumah sewa di Jalan Datuk Paduka Sitom, Kampung Muhibbah di sini pada 14 Februari 2026 sekitar jam 11 pagi.

Fakta kes mendedahkan mangsa membuat laporan polis menyatakan suaminya (Nen) menampar mukanya serta menerajang rusuk kiri dan paha kanan selepas berang apabila mangsa tidak menyahut panggilannya.

Berikutan itu, tertuduh ditangkap pada 28 Februari 2026.

Lelaki cederakan isteri gara-gara tidak sahut panggilan kena 12 bulan

Dari Muka 1

Hasil siasatan mendapati mangsa mengalami patah tulang rusuk kiri ketujuh dan kelapan, selain lebam pada bahagian sekitar mata kanan serta lepuh pada anggota atas dan bawah badan akibat kejadian itu.

Semasa siasatan dibuat, polis juga mendapati Nen mempunyai beberapa rekod lampau membabitkan kes-kes di bawah Seksyen 379

Kanun Keseksaan, Seksyen 435 Kanun Keseksaan dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Sementara itu di Mahkamah Majistret berasingan, Nen turut mengaku bersalah mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 kerana menyalahgunakan dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine pada 26 Januari 2024 kira-kira jam 3.45 pagi di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis

Daerah (IPD) Kuching.

Majistret Ling Hui Chuan kemudiannya menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau 10 bulan penjara serta dua tahun pengawasan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) terhadap Nen.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Muhammad Afiq Saflly Nor Kazly dan DPP Ahmad Fauzulutfi Suriani, sementara Nen tidak diwakili peguam.